'ULŪM ISLĀMIYYAH THE MALAYSIAN JOURNAL OF ISLAMIC SCIENCES
Vol.38 No.3 (December) 2026 ISSN:1675-5936 | eISSN:2289-4799

Kerangka Konsep Dakwah dalam Masyarakat Majmuk: Sorotan Naratif

[The Conceptual Framework of Da'wah in a Multi-Ethnic Society: A Narrative Review]

Nor Azlina Ibrahim*[1], Muhamad Faisal Ashaari[1], Mohamad Zulkifli Abdul Ghani[1]

[1] Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: norazlina2702@gmail.com

DOI: https://doi.org/10.33102/uij.740

Abstrak

Pendekatan dakwah dalam masyarakat majmuk menuntut kefahaman mendalam terhadap kepelbagaian budaya, etnik dan agama. Realiti kepelbagaian masyarakat di Malaysia menuntut strategi dakwah yang inklusif, berhikmah serta peka terhadap sensitiviti komuniti pelbagai kaum. Artikel ini berbentuk sorotan naratif yang menghimpun, meneliti dan mensintesis pandangan sarjana serta dapatan kajian terdahulu berhubung kerangka dakwah dalam masyarakat majmuk. Analisis memberi tumpuan kepada empat komponen utama dakwah, iaitu *manhaj* (prinsip dan hala tuju), *uslūb* (pendekatan komunikasi), kandungan (mesej dakwah) dan *wasīlah* (saluran penyampaian). Sorotan ini memperlihatkan bagaimana integrasi keempat-empat komponen secara bersepadu dapat membentuk asas konseptual bagi strategi dakwah yang relevan dengan keragaman budaya dan agama. Kajian menegaskan bahawa pendekatan yang berhemah, adaptif dan inklusif lebih berpotensi menyampaikan mesej Islam secara berkesan. Implikasinya, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan berbentuk kuantitatif dan kualitatif untuk menghasilkan dapatan yang lebih empirikal serta sesuai dengan realiti masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata kunci: Pendekatan Dakwah, *Uslūb*, *Manhaj*, Kandungan, *Wasīlah*.

Abstract

Daʿwah in a plural society requires a deep understanding of cultural, ethnic, and religious diversity. The social reality of Malaysia in particular demands daʿwah strategies that are inclusive, wise and sensitive to the needs of multi-ethnic communities. This article adopts a narrative review approach that compiles, examines and synthesizes scholarly perspectives and previous research on the framework of daʿwah in plural societies. The analysis focuses on four main components of daʿwah: *manhaj* (principles and direction), *uslūb* (communication approach), content (daʿwah message) and *wasīlah* (channels of dissemination). The review highlights how the integration of these four components, in a holistic and contextual manner can form a conceptual basis for daʿwah strategies relevant to cultural and religious diversity. The study affirms that an inclusive, adaptive, and wise approach has greater potential to convey the Islamic message effectively. The implications of this review open avenues for further quantitative and qualitative research to generate more empirical findings that are relevant to Malaysia's pluralistic reality.

Manuscript Received Date: 29/07/2026 Manuscript Acceptance Date: 21/10/2026 Avaialable Online: 14/10/2026

©The Author(s) (2026). Published by USIM Press on behalf of Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial reuse, please contact penerbit@usim.edu.my

C O P E COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

Keywords: Daʿwah Approach, *Manhaj* (Methodology), *Uslūb* (Communicative Style), Content, *Wasīlah* (Medium of Delivery).

PENDAHULUAN

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang unik kerana dihuni oleh masyarakat berbilang etnik, agama, bahasa dan budaya. Komposisi masyarakat seperti Melayu, Cina, India, Iban, Bidayuh, Melanau, Orang Ulu, Orang Asli dan lain-lain membentuk landskap sosial yang dinamik serta kompleks. Kepelbagaian ini memberi kekuatan dari sudut identiti nasional, namun dalam masa yang sama menimbulkan cabaran besar kepada usaha dakwah Islamiah. Kesenjangan komunikasi, perbezaan budaya serta sensitiviti agama sering kali mencetuskan salah faham yang boleh menjejaskan keharmonian. Oleh itu, pelaksanaan dakwah dalam masyarakat majmuk tidak boleh bersifat linear, sebaliknya perlu dilaksanakan secara berhikmah, inklusif dan kontekstual sesuai dengan realiti semasa.

Kajian-kajian terdahulu telah memberi asas kepada perbahasan strategi dakwah dalam masyarakat majmuk. Misalnya, Mohd. Sufian et al. (2020) menekankan konsep *Fiqh Aghlabiyyah* dalam memperkukuh kestabilan masyarakat berbilang kaum, manakala Ibrahim et al. (2022) menyorot kepelbagaian *uslūb* dakwah berasaskan al-Quran dan realiti kontemporari. Mustarim Ramadhan (2024) serta Hamdani Khaerul Fikri (2023) pula menekankan aspek toleransi dan keharmonian melalui pendekatan dakwah kultural. Begitu juga Mohd Dzahid et al. (2022) yang mengupas prinsip kesejagatan (*ʻalamiyyah*), keseimbangan (wasatiyyah), kesyumulan (*syumuliyyah*) dan realiti (*waqʻiyyah*) dalam membina interaksi masyarakat majmuk. Walaupun wacana ini penting, namun ia masih bersifat terpisah dan tematik, tanpa menghasilkan kerangka konseptual yang menyeluruh. Jurang inilah yang mendorong keperluan merangka satu kerangka konseptual dakwah yang lebih holistik dan sistematik. Kerangka ini harus mengintegrasikan empat komponen utama iaitu *manhaj* (prinsip dan hala tuju), *uslūb* (gaya komunikasi), kandungan (mesej dakwah), dan *wasīlah* (saluran penyampaian). Integrasi keempat-empat komponen ini membolehkan dakwah disampaikan dengan cara yang lebih adaptif, sesuai dengan keunikan budaya dan identiti masyarakat majmuk.

Artikel ini bertujuan merumuskan satu kerangka dakwah yang bersifat inklusif dan adaptif untuk diaplikasikan dalam konteks Malaysia. Pendekatan yang holistik ini bukan sahaja dapat memperkukuh keberkesanan penyampaian mesej Islam, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan persefahaman bersama, pengukuhan nilai akhlak sejagat, serta pemeliharaan keharmonian sosial dalam masyarakat berbilang agama dan budaya.

KONSEP DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Konsep dakwah dalam masyarakat majmuk merujuk usaha menyampaikan mesej Islam dengan mengambil kira kepelbagaian latar agama, budaya, etnik dan bahasa yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Dari segi bahasa, Ahmad Ghalwasy (1987) mentakrifkan dakwah sebagai usaha, sama ada melalui lisan mahupun perbuatan, untuk menarik manusia kepada ajaran Islam. Dari segi istilah, al-Sayyid al-Wakil (1991) menjelaskan bahawa dakwah adalah usaha mengajak, membimbing dan menyeru manusia kepada kebaikan, petunjuk serta amar makruf dan nahi mungkar. Burguth (2005) menegaskan bahawa penggunaan pendekatan dakwah yang sistematik mampu menjamin keberhasilan misi dakwah, manakala pendekatan yang tidak sesuai boleh menjejaskan penerimaan dan bahkan mencetuskan reaksi negatif. Yusuf al-Qaradawi (2001) pula menekankan kepelbagaian metodologi yang bersifat adaptif mengikut konteks, sebagaimana dihuraikan dalam karyanya Min Fiqh al-Dawlah fi al-Islam. Pandangan ini menunjukkan bahawa dalam masyarakat majmuk, dakwah tidak boleh bersifat monolitik, tetapi perlu menggabungkan pendekatan yang peka dan fleksibel.

Secara konseptual, dakwah dalam masyarakat majmuk dapat difahami sebagai proses penyampaian mesej Islam yang merangkumi tiga elemen utama: pertama, adaptasi kandungan, iaitu pemilihan topik dan naratif yang relevan dengan realiti sosial, seperti penekanan kepada nilai kasih sayang dan toleransi inter-etnik; kedua, metodologi penyampaian, termasuk pendekatan rasional, dialog, dan teladan yang disesuaikan dengan latar kelompok sasaran; dan ketiga, pemilihan saluran dan medium komunikasi, sama ada formal mahupun tidak formal, seperti media sosial, dialog antara agama, serta aktiviti komuniti yang sensitif terhadap kepelbagaian budaya dan agama. Dalam konteks Malaysia, pendekatan ini menuntut penggabungan komunikasi rasmi dan tidak rasmi, penggunaan bahasa perantara, serta penyampaian mesej berasaskan nilai universal yang dapat diterima masyarakat pelbagai etnik tanpa mengkompromikan prinsip Islam. Ringkasnya, dakwah dirumuskan sebagai suatu proses strategik untuk merangka dan melaksanakan

penyampaian mesej Islam dengan mengambil kira keragaman budaya, bahasa dan agama, melalui penyesuaian isi, *manhaj*, *uslūb* dan *wasīlah*.

Ringkasnya, dakwah dalam masyarakat majmuk menuntut kefahaman yang holistik dan adaptif, berlandaskan prinsip al-Quran seperti dalam Surah al-Naḥl:125 yang menekankan hikmah, nasihat yang baik dan perdebatan secara berhemah. Konsep ini sekaligus menjadi asas penting dalam merangka kerangka konseptual dakwah yang inklusif, relevan dan praktikal bagi realiti masyarakat majmuk di Malaysia.

Empat Komponen Asas Pelaksanaan Dakwah

Pelaksanaan dakwah yang berkesan menuntut kerangka asas yang jelas agar mesej Islam dapat disampaikan dengan teratur dan sesuai dengan konteks masyarakat majmuk. Al-Bayanuni (1999) menegaskan empat komponen utama yang perlu diintegrasikan, iaitu *manhaj*, *uslūb*, kandungan dan *wasīlah*. *Manhaj* berperanan menentukan prinsip dan hala tuju, *uslūb* menekankan gaya komunikasi, kandungan memastikan kesyumulan mesej, manakala *wasīlah* menyediakan medium penyampaian. Keempat-empat komponen ini saling melengkapi serta menjadi asas dalam memastikan dakwah dilaksanakan secara sistematik, inklusif dan kontekstual. Perbincangan berikut akan menghuraikan setiap komponen secara lebih mendalam.

***Manhaj* Dakwah**

Secara bahasa, *manhaj* berasal daripada akar kata Arab yang bermaksud "jalan yang jelas" atau "metode yang teratur". Dari segi istilah, *manhaj* merujuk kerangka terancang, berprinsip, dan sistematik yang menjadi panduan menyeluruh dalam usaha dakwah untuk mencapai matlamatnya. Para sarjana dakwah seperti al-Tantawiy, Fathi Yakan, Jarishah, dan Shalaby sependapat bahawa *manhaj* dakwah mestilah berpaksikan wahyu dan berpandukan sirah Rasulullah SAW. Namun, terdapat perbezaan penekanan dari segi ruang lingkup dan kaedah pelaksanaannya. Shalaby (1974) menegaskan bahawa *manhaj* dakwah perlu mengekalkan *al-ẓātiyyah al-Islāmiyyah*, iaitu keaslian Islam yang berpandukan pengalaman dakwah Nabi SAW di Makkah. Fathi Yakan (1988) pula menggariskan empat ciri utama iaitu *rubūbiyyah, ʿālamiyyah, murūnah dan shumūl* sebagai asas kesyumulan *manhaj*. Sementara itu, al-Tantawiy (1960) memperlihatkan dimensi praktikal dengan membahagikan usaha dakwah kepada ruang politik, jihad, pendidikan, dialog dan media, di samping mengintegrasikan unsur tasawuf, salafi dan pemikiran semasa. Ali Jarishah (1986) pula menstrukturkan *manhaj* dakwah secara bertahap iaitu fasa penyebaran, pembentukan, dan pengukuhan berdasarkan pengalaman dakwah Rasulullah SAW. Model ini menekankan pembinaan *madʿū* secara berperingkat, daripada kesedaran asas hingga pengukuhan iman dan komitmen amal.

Daripada pandangan ini, dapat dirumuskan bahawa *manhaj* dakwah yang mantap terbina daripada gabungan tiga elemen penting: (i) keaslian prinsip yang berpaksikan wahyu (Shalaby, 1974; Fathi Yakan, 1988); (ii) penyusunan tahap yang teratur (Ali Jarishah, 1986); dan (iii) kesesuaian dengan konteks semasa (al-Tantawiy, 1960). Walaupun berbeza dari segi penekanan, kesemua tokoh bersepakat bahawa *manhaj* berfungsi sebagai kerangka panduan yang menuntut keseimbangan antara prinsip dan strategi serta keupayaan menyesuaikan diri dengan realiti *madʿū* dan cabaran zaman. Dalam konteks masyarakat majmuk, prinsip *manhaj* ini memberi ruang kepada pendakwah untuk menyesuaikan strategi mengikut keperluan komuniti sasaran tanpa mengorbankan ketulenan mesej Islam. Sebagai contoh, model bertahap yang diperkenalkan oleh Jarishah boleh dijadikan asas dalam menilai tahap penerimaan masyarakat bukan Islam, manakala pendekatan al-Tantawi relevan untuk menghubungkan dakwah dengan isu sosial kontemporari seperti pendidikan, perpaduan dan pembangunan komuniti.

***Uslūb* Dakwah**

Dari segi bahasa, *uslūb* berasal daripada akar kata Arab yang bermaksud "jalan" atau "cara". Menurut Kamus *al-Muḥīṭ*, ia membawa maksud bentuk penyampaian dalam kata-kata (*ṭarīqah fī al-taʿbīr*), manakala *Muʿjam al-Wasīṭ* mentakrifkannya sebagai pendekatan atau kaedah untuk menyampaikan mesej. *Ibn Manẓūr* dalam *Lisān al-ʿArab* pula menegaskan bahawa *uslūb* ialah gaya atau corak ekspresi dalam menyampaikan makna, sama ada secara lisan mahupun tulisan.

Dari segi istilah, para sarjana memberikan tafsiran yang pelbagai tetapi saling melengkapi. Al-Bayanuni (1999) mendefinisikan *uslūb* sebagai cara penyampaian yang bervariasi dan kreatif dalam

menyampaikan mesej Islam. Baginya, *uslūb* bukan sekadar retorik, tetapi merangkumi komunikasi strategik yang berfungsi menyampaikan kebenaran, membangkitkan kesedaran serta mencegah kemudaratan. Abdul Karim Zaydan (1972) pula melihat *uslūb* sebagai rawatan rohani yang menuntut kefahaman terhadap latar *madʿū* dan kebijaksanaan dalam memilih kaedah penyampaian. Beliau mengumpamakan pendakwah seperti doktor yang perlu mendiagnosis penyakit sebelum memberikan ubat.

Abdul Halim Mahmud (1990) menekankan keperluan memahami situasi lapangan, psikologi *madʿū* dan variasi sosial budaya khalayak. Beliau menghuraikan bentuk *uslūb* seperti penjelasan, perbandingan, jawapan kepada keraguan, pendidikan, penyusunan strategi, serta pendekatan *targhīb* dan *tarhīb*. Menurutnya, *uslūb* ialah seni komunikasi yang menjadikan mesej dakwah lebih mesra dan diterima. Fathi Yakan (1970) pula mengemukakan konsep *uslūb* ḥasan, iaitu keseimbangan antara ketegasan dan kelembutan, dengan menegaskan bahawa pendakwah perlu jelas mengenai matlamat dakwah supaya penyampaian lebih terancang. Mustafa Masyhur (1989) menekankan *uslūb qudwah ḥasanah* iaitu pendekatan melalui teladan. Pendakwah bukan hanya menyampaikan mesej melalui kata-kata, tetapi juga melalui akhlak dan amal. Al-Tantawi (1960) pula membahagikan *uslūb* dakwah kepada pendekatan secara individu, ilmiah dan berstruktur yang digerakkan melalui tasawuf, salafi dan pemikiran Islam semasa. Pandangan ini menegaskan bahawa *uslūb* perlu sentiasa seimbang agar tidak menyimpang daripada landasan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah*.

Ali Muhammad (2012) menghuraikan evolusi *uslūb* dakwah sepanjang sejarah, bermula dari zaman Nabi SAW, era *Khulafā' al-Rāshidīn*, kerajaan-kerajaan Islam sehingga era moden. Beliau menekankan tiga asas utama yang disebut dalam al-Quran (al-Naḥl:125): *al-ḥikmah, al-mawʿiẓah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan*. Ab Aziz Mohd Zin (2015) pula membezakan *uslūb ʿām* (umum) seperti pemilihan isi, saluran dan pendekatan komunikasi, dengan *uslūb khāṣṣ* (khusus) yang menekankan teknik persembahan isi secara terperinci. Ali Jarishah (1986) menstrukturkan *uslūb* kepada tiga bentuk utama: pertama, gabungan *al-ḥikmah* dan *al-mawʿiẓah al-ḥasanah* yang menekankan kebijaksanaan dalam pertuturan dan pengurusan situasi; kedua, *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan*, iaitu perdebatan dengan adab, hujah jelas dan kaedah yang membina; ketiga, *uslūb qudwah* dan *quwwah*, iaitu keseimbangan antara kelembutan teladan dan ketegasan prinsip. Burguth (2003) dalam *Manāhij al-Daʿwah* pula menekankan bahawa Rasulullah SAW mengamalkan *uslūb* dakwah berasaskan bimbingan wahyu dan keperibadian Baginda. Kejayaan dakwah Baginda berpunca daripada kemampuan memahami jiwa manusia, realiti sosial, psikologi dan persekitaran *madʿū*.

Secara keseluruhannya, para sarjana bersepakat bahawa *uslūb* dakwah bukan sekadar retorik, tetapi seni komunikasi strategik yang menuntut kefahaman mendalam terhadap konteks *madʿū*. Prinsip *al-ḥikmah* menjadi kunci dalam mengelakkan salah faham dan membina jambatan persefahaman, manakala pendekatan dialog serta *mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* relevan dalam interaksi antara agama. Sementara itu, *uslūb qudwah ḥasanah* penting bagi membentuk imej positif Islam dalam masyarakat majmuk.

Kandungan Dakwah

Dalam konteks dakwah, kandungan dakwah merujuk inti pati mesej yang hendak disampaikan, iaitu agama Islam yang diwahyukan Allah SWT kepada Rasul-Nya. Abdul Karim Zaydan (1972) menstrukturkan kandungan dakwah dalam lima fasal iaitu takrif Islam, rukun-rukun, ciri-ciri, sistem, dan maqāṣid. Beliau turut membahagikan rukun Islam kepada tauhid, pengiktirafan kerasulan dan amal soleh. Struktur ini menggambarkan pendekatan komprehensif yang tidak hanya menekankan aspek hukum dan ibadah, tetapi turut mengangkat matlamat syariah dan orientasi nilai yang mendasarinya. Al-Bayanuni (1990) pula mengemukakan pembahagian yang lebih ringkas dengan menekankan tiga komponen utama: akidah, syariah dan akhlak. Beliau menekankan bahawa kandungan dakwah perlu disampaikan secara sistematik agar mesej tidak berulang dan mudah difahami. Perbezaan tahap perincian antara Zaydan dan al-Bayanuni memperlihatkan bahawa kandungan dakwah boleh diolah secara mendalam atau ringkas, bergantung pada objektif dan khalayak sasaran.

Burguth (2003) memperluas kerangka ini dengan menegaskan bahawa kandungan dakwah bukan sahaja merujuk intipati agama ajaran Islam, tetapi turut melibatkan hubungan antara pendakwah, *madʿū*, *wasīlah* dan *manhaj*. Beliau menekankan aspek struktur komunikasi dan strategi pedagogi sebagai sebahagian daripada kandungan dakwah itu sendiri. Sementara itu, Abdul Halim Mahmud (1990) dan Ahmad Ghalwasy (1987) menekankan konsep rukun dakwah, iaitu akidah, ibadah atau syariah, serta akhlak. Walaupun pendekatan mereka lebih menekankan isi dan nilai, ia kurang memberi penekanan terhadap strategi penyusunan mesej seperti yang dikemukakan oleh Burguth atau dimensi *maqāṣid*

sebagaimana yang diketengahkan oleh Zaydan.

Daripada semua pandangan ini dapat dirumuskan bahawa kesemua tokoh bersepakat bahawa kandungan dakwah berteraskan agama Islam yang lengkap merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Namun, dalam konteks masyarakat majmuk, penyampaiannya perlu diolah secara bertahap dan kontekstual. Aspek ketuhanan (akidah) wajar didahulukan sebelum syariah dan akhlak, manakala mesej-mesej ringan boleh dikaitkan dengan nilai kemanusiaan sejagat seperti kasih sayang, keadilan, dan toleransi. Perbahasan akhlak pula boleh disesuaikan dengan keperluan harmoni sosial dalam komuniti pelbagai etnik dan agama.

Oleh itu, kandungan dakwah yang berkesan memerlukan keseimbangan antara kelengkapan isi kandungan, kejelasan struktur, sensitiviti terhadap tahap kefahaman *madʿū*, serta kebijaksanaan dalam mengatur mesej. Pendekatan ini membolehkan matlamat dakwah tercapai secara optimum, di samping memastikan mesej Islam dapat diterima dengan lebih inklusif dalam masyarakat majmuk.

Wasilah Dakwah

Para sarjana memberikan definisi *wasīlah* dakwah daripada pelbagai perspektif, namun secara umum mereka bersepakat bahawa ia merujuk alat, medium, atau tindakan yang menyumbang kepada pencapaian objektif dakwah. Ali Abdul Halim (1990) melihat *wasīlah* sebagai usaha yang mengarah manusia kepada Allah SWT, manakala Abdul Karim Zaydan (1996) menekankan aspek keberkesanan dan impak dalam penyampaian mesej. Al-Sayyid Nawfal (1977) menambah dimensi dengan menekankan kepentingan pengolahan mesej sebelum disalurkan kepada sasaran, manakala Ab. Aziz Mohd Zin (2015) menggariskan fungsi saluran dan media sebagai alat utama penyampai dakwah. Burguth (2003) memperluas definisi ini dengan menekankan peranan peralatan, kemudahan dan teknologi dalam memperkenalkan Islam kepada masyarakat. Al-Bayanuni (1999) pula membahagikan *wasīlah* kepada dua kategori iaitu dalaman (maʿnawiyyah) dan luaran (maddiyyah), sekali gus menolak pandangan sempit bahawa *wasīlah* hanya merujuk aspek fizikal.

Dari sudut pengelasan, al-Bayanuni menekankan *wasīlah maʿnawiyyah* seperti keikhlasan, akhlak, kebijaksanaan dan perancangan strategik, manakala *wasīlah maddiyyah* merangkumi media massa, teknologi dan institusi dakwah. Burguth (2003) mengemukakan pembahagian yang hampir sama, tetapi menambah kategori *fiṭriyyah maʿnawiyyah* yang terdiri daripada perkataan, perbuatan dan teladan hidup (*qudwah ḥasanah*). Abdul Karīm Zaydan (1996) turut menekankan kepentingan *wasīlah* luaran bagi mencipta persekitaran dakwah yang kondusif, di samping *wasīlah* langsung melalui interaksi dengan *madʿū*. Walaupun berbeza dari segi istilah, para sarjana ini bersepakat bahawa *wasīlah* bersifat dua dimensi: ia memerlukan kekuatan moral pendakwah serta sokongan daripada sumber material. Ali Abdul Halim (1990) membahagikan *wasīlah* kepada tiga bentuk utama: penyampaian melalui perkataan, tindakan dan teladan, yang dikaitkan dengan strategi *marḥalah* dakwah, iaitu fasa pengenalan (*al-taʿrīf*) dan pembentukan. Ahmad Ghalwasy (1987) pula menekankan bahawa sumber wahyu merupakan teras kepada *wasīlah*, kerana ia menjamin kejelasan mesej, kesesuaian dengan fitrah, serta pemeliharaan daripada penyelewengan.

Secara keseluruhan, dapat dirumuskan bahawa *wasīlah* dakwah yang berkesan memerlukan keseimbangan antara kekuatan moral pendakwah dengan penggunaan teknologi dan media. Dalam konteks masyarakat majmuk, pendekatan dua dimensi ini membolehkan mesej Islam disampaikan secara inklusif dan mesra khalayak. Sebagai contoh, penggunaan media sosial untuk menyebarkan nilai keadilan dan kasih sayang boleh diperkukuh dengan interaksi bersemuka yang menzahirkan akhlak mulia pendakwah. Gabungan ini bukan sahaja memudahkan penerimaan mesej, bahkan turut memperkukuh persepsi positif masyarakat majmuk terhadap Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini menggunakan reka bentuk sorotan naratif (*narrative review*) untuk meneliti serta mensintesis pandangan sarjana dan dapatan kajian terdahulu berhubung pendekatan dakwah dalam masyarakat majmuk. Pemilihan pendekatan naratif adalah bertepatan kerana ia membolehkan analisis deskriptif dan sintesis konseptual dilakukan secara mendalam tanpa terikat kepada protokol ketat seperti *systematic literature review*. Pendekatan ini juga memberikan ruang untuk menggabungkan pelbagai bentuk sumber termasuk teks klasik, artikel jurnal, prosiding dan buku bagi menghasilkan satu kerangka konseptual dakwah yang menyeluruh serta kontekstual (Ferrari, 2015).

Proses pengumpulan literatur dilakukan melalui penelusuran karya sarjana dakwah yang membincangkan konsep asas dakwah, di samping artikel kontemporari berkaitan masyarakat majmuk. Pemilihan literatur tertumpu kepada penulisan yang membincangkan empat komponen utama dakwah, iaitu *manhaj* (prinsip dan hala tuju), *uslūb* (gaya komunikasi), kandungan (mesej dakwah), dan *wasīlah* (medium atau saluran penyampaian). Karya tokoh dakwah seperti al-Bayanuni, Fathi Yakan, Abdul Karim Zaydan dan Abdul Halim Mahmud turut disertakan bagi memberikan asas konseptual yang lebih kukuh. Data yang diperoleh daripada literatur dianalisis secara tematik dengan mengelompokkan perbincangan mengikut empat komponen dakwah tersebut. Analisis ini memberi perhatian kepada perbandingan pandangan sarjana, penghubungan dengan konteks pluralistik Malaysia, serta penghasilan sintesis konseptual yang menekankan kesesuaian pendekatan dakwah dalam masyarakat berbilang agama dan budaya.

Kelebihan pendekatan naratif ialah keupayaannya menjelaskan hubungan antara komponen dakwah dengan elemen lain dalam komunikasi Islam, seperti dialog antara agama, nilai kemanusiaan sejagat, dan integrasi media baharu. Ia juga membantu memperjelas pelbagai dimensi dakwah meliputi *manhaj*, *uslūb*, kandungan dan *wasīlah* serta implikasinya terhadap keberkesanan penyampaian mesej Islam dalam masyarakat majmuk (Sukhera, 2022; Bae, 2014). Sorotan ini menonjolkan implikasi praktikal, termasuk panduan kepada pendakwah dan institusi agama dalam melaksanakan pendekatan dakwah yang inklusif, berhikmah dan adaptif. Dengan menyatukan literatur sedia ada, sorotan naratif ini menyediakan kerangka konseptual yang lebih jelas, mengatasi ambiguiti konsep, serta membuka ruang bagi penyelidikan empirikal pada masa hadapan (Greenhalgh et al., 2018).

Sintesis Kerangka Konsep Dakwah dalam Masyarakat Majmuk

Keperluan merangka satu kerangka dakwah yang bersifat khusus untuk masyarakat majmuk merupakan suatu tuntutan strategik dalam konteks Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian etnik, agama, budaya dan bahasa. Di Sabah dan Sarawak misalnya, interaksi sosial melibatkan kelompok Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh, Orang Ulu, Cina, India dan lain-lain yang membawa identiti serta sensitiviti tersendiri. Realiti ini menuntut pendekatan dakwah yang bersifat kontekstual, tidak homogen, serta berupaya meraikan kerencaman masyarakat (Mokhtar et al., 2023). Cabaran utama termasuklah perbezaan bahasa dan dialek (Nuradlin & Zaleha, 2020), sensitiviti agama (Nurazian & Nurfarhana, 2022), perbezaan adat dan budaya (Mariam et al., 2023), serta tahap literasi media yang tidak seimbang (Ab Rahman et al., 2021). Tanpa suatu kerangka yang terancang, dakwah berisiko menimbulkan salah faham, penolakan bahkan ketegangan sosial. Berdasarkan kerangka al-Bayanuni (1999), empat komponen utama iaitu *manhaj*, *uslūb*, kandungan dan *wasīlah*, dapat disintesiskan sebagai kerangka integratif dalam konteks masyarakat majmuk.

Manhaj Dakwah

Menurut al-Bayanuni (1999), *manhaj* dakwah perlu berpaksikan wahyu, namun fleksibel dengan pendekatan emosi (*ʿaṭifī*), rasional (*ʿaqlī*) dan deria (*ḥissī*) agar sesuai dengan latar belakang berbeza kelompok *madʿū*. Berikut adalah penjelasan bagi setiap satu *manhaj* yang disesuaikan dalam masyarakat majmuk:

i. *Manhaj al-ʿAṭifī* (Pendekatan Emosi)

Pendekatan emosi atau *al-ʿaṭifī* merupakan strategi dakwah yang menekankan aspek sentimen, kasih sayang dan hubungan hati sebagai jalan untuk mendekati *madʿū*. Dalam masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai agama, etnik dan budaya, pendekatan ini sangat penting kerana emosi manusia bersifat sejagat serta mudah disentuh tanpa batasan bahasa atau ideologi. Pelaksanaannya boleh dilihat melalui *da'wah bi al-ḥāl*, iaitu menyampaikan mesej Islam melalui tindakan yang nyata seperti memberi bantuan kebajikan, melaksanakan kerja sukarela, serta menunjukkan solidariti ketika masyarakat berdepan bencana. Sikap empati dan keprihatinan pendakwah terhadap kesusahan orang lain akan membina imej positif Islam. Selain itu, pendekatan emosi dapat diperkukuh dengan mengurus sensitiviti budaya dan adat komuniti lain, contohnya menghormati pantang larang serta menyapa dalam bahasa ibunda mereka. Strategi ini akan menimbulkan rasa dihargai dan diterima, sekali gus membuka ruang untuk mereka lebih mendekati Islam. Ringkasnya, *manhaj al-ʿaṭifī* amat berkesan dalam membina jambatan kasih sayang, memupuk kepercayaan, dan melembutkan hati masyarakat bukan Islam sebelum mereka menerima hujah intelektual atau pengalaman deria yang lebih mendalam.

ii. *Manhaj al-ʻAqlī* (Pendekatan Rasional)

Manhaj al-ʻaqlī berperanan sebagai pendekatan dakwah yang menekankan hujah intelektual, logik, dan kekuatan ilmu bagi meyakinkan masyarakat bukan Islam tentang kebenaran Islam. Pendekatan ini amat penting dalam masyarakat majmuk moden kerana ramai golongan terpelajar atau profesional lebih cenderung menerima sesuatu idea melalui pertimbangan akal dan bukti rasional. Pelaksanaannya dapat dilakukan melalui dialog antara agama yang berteraskan prinsip *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* (perdebatan terbaik) dengan memberi penekanan kepada nilai bersama seperti keadilan, persaudaraan dan kebajikan. Pendakwah juga boleh menghubungkan mesej Islam dengan penemuan saintifik, falsafah moral atau sejarah tamadun manusia untuk menunjukkan keserasian antara ajaran Islam dengan logik akal. Pada masa yang sama, *manhaj* ini penting dalam menjawab salah faham atau keraguan berkaitan Islam seperti isu hak wanita, kebebasan beragama, dan ekstremisme, dengan memberikan penjelasan berasaskan al-Quran, hadis dan *maqāṣid al-sharīʿah*. Di samping itu, strategi seperti seminar akademik, forum intelektual, atau penulisan artikel boleh dijadikan platform penyebaran dakwah rasional. Kesannya, pendekatan ini mengukuhkan kefahaman intelektual non-Muslim, meningkatkan penghormatan terhadap Islam, dan membuktikan bahawa Islam bukan hanya agama ritual tetapi juga sistem hidup yang rasional serta relevan dengan perkembangan semasa.

iii. *Manhaj al-Ḥissī* (Pendekatan Deria/Empirik)

Manhaj al-ḥissī pula menekankan pengalaman empirik yang dapat dilihat, dirasai dan dialami secara langsung oleh masyarakat bukan Islam. Dalam konteks masyarakat majmuk, pendekatan ini sangat berkesan kerana manusia lebih mudah diyakinkan melalui bukti konkrit berbanding retorik semata-mata. Pendekatan ini boleh dilaksanakan dengan memperlihatkan kesan positif Islam dalam kehidupan seharian, contohnya melalui projek kemasyarakatan, pembangunan ekonomi yang adil, atau aktiviti pendidikan yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama. Pendakwah juga perlu menonjolkan *al-qudwah al-ḥasanah* (teladan baik) dengan menunjukkan disiplin, kejujuran dan integriti dalam urusan harian agar non-Muslim merasai keindahan Islam secara praktikal. Selain itu, media visual dan digital boleh digunakan untuk menyalurkan pengalaman deria ini, misalnya dokumentari yang memaparkan kisah inspirasi saudara baharu atau kejayaan komuniti Muslim yang bekerjasama dengan non-Muslim dalam membina keharmonian sosial. Program seni, sukan atau festival budaya berasaskan nilai Islam juga dapat memberi ruang kepada non-Muslim untuk menyaksikan keindahan ajaran Islam dalam suasana inklusif. Oleh itu, *manhaj al-ḥissī* berfungsi sebagai bukti nyata bahawa Islam membawa kebaikan sejagat, sekaligus mengukuhkan keyakinan non-Muslim bahawa Islam sesuai diamalkan dalam masyarakat pluralistik.

Kesimpulannya, *manhaj* dakwah al-Bayanuni yang merangkumi pendekatan emosi (*al-ʻaṭifī*), rasional (*al-ʻaqlī*) dan deria (*al-ḥissī*) perlu dilaksanakan secara integratif dalam masyarakat majmuk. Gabungan ketiga-tiga *manhaj* ini menjadikan dakwah kepada bukan Islam menjadi lebih holistik, seimbang dan kontekstual, sekali gus memperkukuh imej Islam sebagai agama yang menjamin keharmonian sosial serta perpaduan nasional.

Uslūb Dakwah

Menurut al-Bayanuni (1999), *uslūb* dakwah menuntut gaya komunikasi yang berhemah seperti *al-ḥikmah* (kebijaksanaan), *al-mawʿiẓah al-ḥasanah* (nasihat yang baik) dan *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* (perdebatan terbaik), termasuk penggunaan dialog antara agama untuk memupuk saling memahami. Berikut adalah penjelasan bagi setiap satu *uslūb* yang disesuaikan dalam masyarakat majmuk:

i. *Al-Ḥikmah* (Kebijaksanaan)

Uslūb al-ḥikmah merupakan pendekatan dakwah yang menekankan penggunaan akal budi, kesabaran dan pertimbangan yang bijaksana dalam menyampaikan mesej Islam. Dalam konteks masyarakat majmuk, ia bermaksud pendakwah perlu peka terhadap latar budaya, bahasa dan sensitiviti agama komuniti yang berbeza. Sebagai contoh, dalam menjelaskan konsep akidah, pendakwah boleh memulakan dengan nilai universal seperti keadilan, persaudaraan dan kasih sayang sebelum menyentuh aspek teologi yang lebih mendalam. Kebijaksanaan juga merangkumi pemilihan masa, tempat dan medium penyampaian agar mesej tidak disalah erti atau menyinggung pihak lain. Pendakwah yang berhemah akan mengelakkan ucapan yang kasar, sebaliknya memilih bahasa yang sederhana dan mesra budaya. Dengan demikian, *uslūb al-ḥikmah* membantu membina persefahaman antara Muslim dan non-Muslim, menangkis salah

faham, serta menonjolkan Islam sebagai agama yang rasional dan damai. Ringkasnya, kebijaksanaan ialah kunci utama bagi menjadikan dakwah lebih inklusif dan diterima dalam masyarakat berbilang kaum.

ii. *Al-Mawʿiẓah al-Ḥasanah* (Nasihat yang Baik)

Pendekatan *al-mawʿiẓah al-ḥasanah* menekankan penyampaian nasihat dengan penuh kelembutan, kasih sayang dan kebaikan. Dalam masyarakat majmuk, *uslūb* ini penting kerana ia menyentuh fitrah manusia yang cenderung menerima kata-kata lunak dan mesra. Pendakwah boleh menggunakan medium ceramah motivasi, forum komuniti, atau kempen kebajikan untuk menyampaikan mesej Islam secara tersirat, contohnya menekankan kepentingan integriti, amanah, dan tanggungjawab sosial. Penyampaian yang sederhana, mengelakkan stereotaip atau kecaman terhadap agama lain, akan menimbulkan rasa hormat dan keterbukaan pada pihak non-Muslim. Selain itu, pendakwah yang menjadi teladan melalui akhlak mulia akan menguatkan kesan nasihatnya kerana mesej yang disampaikan selari dengan perbuatan. Nasihat yang baik juga boleh disampaikan dalam bentuk sokongan emosi, seperti memberi dorongan kepada golongan marginal atau mereka yang menghadapi kesukaran hidup. Kesannya, dakwah menjadi lebih menyentuh hati, relevan dan diterima secara sukarela, bukan dipaksa.

iii. *Al-Mujādalah bi al-Latī Hiya Aḥsan* (Perdebatan dengan Cara Terbaik)

Uslūb ini merujuk perbincangan atau perdebatan yang dilakukan dengan cara terbaik, berlandaskan adab, hujah yang jelas dan sikap saling menghormati. Dalam masyarakat majmuk, perdebatan sering timbul berhubung isu agama, budaya atau hak asasi, justeru pendakwah perlu mengemukakan penjelasan Islam dengan tenang dan berfakta. Misalnya, jika timbul salah faham tentang isu kebebasan beragama atau kedudukan wanita dalam Islam, pendakwah boleh menjawab dengan menggunakan dalil al-Quran, hadis, *maqāṣid al-sharīʿah* serta sokongan data sejarah dan sains. Perdebatan ini tidak bertujuan untuk menang, tetapi untuk menjernihkan salah faham serta menonjolkan keindahan Islam. Dalam pelaksanaannya, forum akademik, dialog antara agama, atau wacana masyarakat boleh dijadikan platform terbaik. Penting juga untuk mengelakkan nada menghina atau mengkritik secara emosional kerana ia hanya akan mencetuskan penolakan. Dengan cara ini, *uslūb mujādalah* berperanan sebagai jambatan intelektual yang memupuk persefahaman, sekaligus memperkukuh keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk.

iv. *Al-Qudwah al-Hasanah* (Contoh Teladan yang Baik)

Konsep *al-qudwah al-hasanah* bertujuan membina kepercayaan dan persepsi positif masyarakat berbilang kaum dan agama sebagai jalan mudah meyakinkan masyarakat tentang agama Islam. Qudwah boleh dilaksanakan melalui akhlak dan tingkah laku. Kejujuran, integriti, dan sifat tolong-menolong menjadi jambatan dakwah yang mengatasi sempadan agama. Qudwah juga adalah salah satu cara untuk mengelakkan konflik dan salah faham terhadap agama Islam yang sering dilontarkan dengan pelbagai tuduhan palsu yang menyebabkan persepsi buruk terhadap agama Islam. Melalui teladan yang baik, umat Islam dapat menunjukkan sifat toleransi, sabar, dan adil, seterusnya mengurangkan prasangka serta mengelakkan ketegangan. Bantuan kepada jiran bukan Islam, keprihatinan sosial, dan keterlibatan dalam kebajikan masyarakat adalah contoh nyata dakwah melalui teladan. Dakwah yang dilakukan melalui teladan mudah diterima berbanding ucapan oleh kerana ia disertai dengan tindakan yang boleh memandu masyarakat berbilang kaum mengikuti dengan cara yang mudah.

Ringkasnya, pelaksanaan *uslūb al-ḥikmah, al-mawʿiẓah al-ḥasanah, al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan* dan *al-qudwah al-hasanah* dalam masyarakat majmuk perlu dilakukan secara bersepadu. Hikmah membuka jalan, nasihat yang baik menyentuh hati, perdebatan terbaik mengukuhkan kefahaman, manakala *al-qudwah al-hasanah* pendekatan termudah. Dengan integrasi ini, dakwah akan lebih mesra, inklusif, dan berkesan dalam mendekati non-Muslim.

Kandungan Dakwah

Menurut al-Bayanuni (1999), kandungan dakwah perlu memfokus pada nilai sejagat dalam akidah, syariah dan akhlak, dengan penekanan terhadap prinsip rahmah, toleransi dan keadilan yang dapat diterima oleh pelbagai komuniti (Yunus & Wan Chik, 2024).

i. Akidah

Akidah merupakan asas terpenting dalam kandungan dakwah kerana ia membentuk keyakinan dan

kepercayaan terhadap keesaan Allah SWT. Dalam masyarakat majmuk, penyampaian akidah perlu dilakukan secara berhikmah dengan menekankan aspek ketuhanan yang bersifat sejagat, seperti konsep Tuhan Yang Esa, Maha Pengasih, dan Maha Adil. Pendekatan ini lebih mudah diterima kerana kebanyakan agama lain juga mempunyai kefahaman asas tentang ketuhanan. Penyampaian akidah tidak boleh disampaikan dalam bentuk paksaan, sebaliknya melalui hujah rasional dan teladan hidup yang membuktikan keindahan iman Islam. Contohnya, menekankan bahawa akidah Islam mengajarkan keseimbangan hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, serta manusia dengan alam. Dalam pertemuan antara agama, pendakwah boleh menggunakan nilai universal seperti kasih sayang, keadilan dan kebaikan sebagai jambatan untuk memperkenalkan prinsip tauhid. Dengan cara ini, akidah disampaikan bukan sekadar sebagai doktrin teologi, tetapi sebagai asas kehidupan yang membawa ketenangan jiwa, keharmonian sosial dan kesejahteraan bersama.

ii. Syariah

Syariah pula merupakan dimensi praktikal dalam kandungan dakwah yang merangkumi hukum, peraturan dan sistem hidup berlandaskan wahyu. Dalam konteks masyarakat majmuk, penekanan terhadap syariah tidak boleh dimulakan dengan hukum-hukum teknikal seperti hudud atau fiqh ibadat yang khusus kepada Muslim, sebaliknya perlu difahami sebagai sistem yang menjaga kemaslahatan manusia secara menyeluruh. Syariah Islam membawa prinsip *maqāṣid al-sharīʿah* yang menitikberatkan perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Prinsip inilah yang boleh diketengahkan kepada non-Muslim, misalnya melalui isu keadilan sosial, keutuhan keluarga, dan hak asasi manusia. Pendakwah juga boleh menjelaskan bahawa undang-undang Islam bukanlah sekadar hukuman, tetapi sistem menyeluruh yang menegakkan keadilan, keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Contoh praktikalnya ialah melibatkan non-Muslim dalam program kebajikan berasaskan zakat, derma atau sukarelawan, yang membuktikan bahawa syariah membawa manfaat sejagat. Dengan cara ini, syariah dilihat bukan sebagai sesuatu yang eksklusif untuk Muslim, tetapi sebagai sistem yang mampu menyumbang kepada keharmonian dan kestabilan masyarakat pluralistik.

iii. Akhlak

Akhlak merupakan inti pati kandungan dakwah yang paling mudah diterima oleh masyarakat majmuk kerana ia menyentuh aspek moral dan nilai sejagat. Akhlak Islam menekankan sifat jujur, amanah, kasih sayang, toleransi, dan tanggungjawab sosial yang sememangnya dikongsi oleh semua agama dan budaya. Pendekatan dakwah melalui akhlak boleh dilakukan dengan menonjolkan *al-qudwah al-hasanah* (teladan baik) dalam kehidupan seharian. Apabila pendakwah dan masyarakat Muslim menunjukkan sikap amanah, mesra, dan adil dalam pekerjaan, kejiranan atau aktiviti sosial, non-Muslim akan lebih tertarik kepada Islam tanpa perlu berdepan dengan hujah yang panjang. Dalam konteks Malaysia, usaha mengukuhkan akhlak dapat ditonjolkan melalui program komuniti, kempen integriti, atau aktiviti kebajikan rentas budaya yang melibatkan Muslim dan non-Muslim secara bersama. Akhlak yang mulia juga penting untuk mengatasi stereotaip negatif terhadap Islam yang sering dikaitkan dengan kekerasan. Ringkasnya, pendekatan akhlak dalam dakwah bukan sahaja membina imej positif Islam, tetapi juga memperkukuh keharmonian sosial dan persefahaman dalam masyarakat berbilang kaum.

Kesimpulannya, tiga elemen utama kandungan dakwah iaitu akidah, syariah dan akhlak saling melengkapi dalam membentuk penyampaian Islam yang menyeluruh dan seimbang. Dalam masyarakat majmuk, ketiga-tiga elemen ini perlu disampaikan secara bertahap dan kontekstual: akidah dengan nilai universal, syariah dengan manfaat kemaslahatan, dan akhlak dengan teladan mulia. Dengan pendekatan ini, dakwah dapat diterima lebih inklusif, membina persefahaman, serta memperkukuh keharmonian sosial.

Wasilah Dakwah

Menurut al-Bayanuni (1999), *wasīlah* dakwah perlu menggabungkan aspek *maʿnawiyyah* seperti keikhlasan, akhlak dan empati dengan aspek *maddiyyah* seperti media sosial, program komuniti, forum antara agama dan aktiviti rentas budaya, agar mesej Islam diterima secara menyeluruh dan mesra khalayak (Zulfa & Nisrina, 2024).

i. *Al-Wasīlah al-Maʿnawiyyah* (Dalaman/Spiritual)

Al-wasīlah al-maʿnawiyyah merujuk kekuatan rohani, akhlak dan nilai dalaman yang dimiliki oleh


pendakwah, yang secara langsung mempengaruhi keberkesanan dakwah. Salah satu unsur utama ialah keikhlasan, kesabaran, kebijaksanaan, empati dan teladan hidup. Dalam masyarakat majmuk, *wasīlah* ini sangat penting kerana non-Muslim lebih cenderung menilai Islam melalui akhlak penganutnya berbanding ucapan atau teori semata-mata. Misalnya, seorang pendakwah yang berakhlak mulia, adil dalam interaksi, dan empati terhadap kesusahan masyarakat akan menonjolkan imej Islam sebagai agama rahmah. Bahkan, akhlak pendakwah yang konsisten akan mengikis stereotaip negatif terhadap Islam yang sering dikaitkan dengan kekerasan. Pendekatan ini boleh diamalkan melalui aktiviti harian seperti berinteraksi mesra dengan jiran non-Muslim, membantu dalam aktiviti kebajikan bersama atau menjaga sensitiviti budaya dalam komunikasi. Ringkasnya, *al-wasīlah al-maʿnawiyyah* menekankan bahawa keperibadian pendakwah ialah medium terkuat yang mampu menarik hati masyarakat majmuk untuk lebih dekat dengan Islam.

ii. *Al-Wasīlah al-Maddiyyah* (Luaran/Fizikal)

Al-Wasīlah al-Maddiyyah merujuk alat, saluran dan medium luaran yang digunakan untuk menyampaikan mesej dakwah. Bentuknya sangat pelbagai, merangkumi khutbah, penulisan, media cetak, media elektronik, media sosial, program komuniti, forum antara agama, serta aktiviti rentas budaya. Dalam masyarakat majmuk, penggunaan *wasīlah* ini amat penting kerana ia membolehkan mesej Islam disebarkan secara luas, inklusif dan bersifat kontemporari. Sebagai contoh, media sosial boleh digunakan untuk berkongsi kisah inspirasi dan nilai kemanusiaan Islam yang bersifat universal, manakala forum antara agama berfungsi sebagai wadah dialog untuk menangkis salah faham. Program kebajikan pula boleh dijadikan jambatan bagi menunjukkan Islam peduli terhadap keperluan masyarakat tanpa mengira agama. Selain itu, penggunaan teknologi moden seperti filem dokumentari, podcast atau platform digital mampu memperkukuh keberkesanan dakwah di kalangan generasi muda non-Muslim. Kesimpulannya, *al-wasīlah al-maddiyyah* menuntut kreativiti pendakwah dalam memilih medium yang sesuai agar mesej Islam diterima dengan mesra, terbuka dan relevan dengan realiti masyarakat pluralistik.

Keempat-empat komponen ini saling melengkapi dalam satu sintesis kerangka dakwah yang bersifat integratif. *Manhaj* menyediakan asas prinsip dan strategi adaptif; *uslūb* memastikan mesej disampaikan dengan gaya komunikasi yang sesuai; kandungan menjamin keutuhan ajaran Islam yang inklusif; manakala *wasīlah* menawarkan medium praktikal untuk menjayakan penyampaian. Hubungan antara elemen ini bersifat dinamik di mana pemilihan *wasīlah* yang tepat mengukuhkan keberkesanan *uslūb*, sementara kandungan pula perlu disusun selari dengan prinsip *manhaj*. Secara konseptual, kerangka ini dapat divisualisasikan sebagai lingkaran berpusat kepada tujuan dakwah, dengan keempat-empat komponen berinteraksi secara berterusan dalam pelaksanaan. Ringkasan kerangka dakwah ini dapat dilihat dalam rajah di bawah:

Rajah 1: Kerangka Dakwah dalam Masyarakat Majmuk



Kerangka dakwah ini menawarkan asas konseptual, dan juga menjadi panduan praktikal untuk pelaksanaan dakwah yang lebih inklusif. Ini berasaskan kepada justifikasi berikut:

Pertama, kerangka ini berfungsi sebagai panduan strategik bagi pendakwah dalam mengurus sensitiviti budaya, agama dan adat resam secara berhemah. Dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar etnik seperti Melayu, Cina, India, Iban, Bidayuh, Melanau, dan Orang Asli, pendekatan dakwah yang bersifat stereotaip atau homogen boleh menimbulkan salah faham. Melalui kerangka ini, pendakwah dibimbing untuk memahami konteks setempat, memilih saluran komunikasi yang sesuai, dan mengutamakan hikmah serta toleransi dalam menyampaikan mesej Islam.

Kedua, kerangka ini mampu mengurangkan jurang komunikasi dengan memberikan penekanan kepada aspek bahasa, medium dan bentuk penyampaian. Pemilihan bahasa yang difahami komuniti sasaran, penggunaan media sosial yang mesra khalayak, serta penglibatan dalam aktiviti komuniti setempat dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian mesej dakwah. Sebagai contoh, penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat minoriti atau adaptasi istilah yang bersifat inklusif boleh mewujudkan rasa dekat dan mengelakkan prasangka.

Ketiga, kerangka ini menegaskan bahawa dakwah dalam masyarakat majmuk memerlukan keseimbangan antara integriti ajaran Islam dengan keperluan adaptasi terhadap realiti sosial. Hal ini bermaksud, mesej Islam tetap dikekalkan dalam bentuk asalnya yang berpaksikan wahyu, namun pendekatan penyampaiannya boleh disesuaikan agar relevan dengan budaya tempatan. Sebagai contoh, nilai akhlak Islam seperti kasih sayang, keadilan dan tanggungjawab sosial boleh diketengahkan dalam bentuk yang selari dengan nilai kemanusiaan sejagat yang turut dikongsi masyarakat majmuk.

Keempat, kerangka ini juga signifikan kerana ia menyediakan asas konseptual yang boleh dijadikan rujukan oleh institusi agama, pendakwah bebas, malah badan bukan kerajaan (NGO) Islam dalam merancang modul, program dan strategi dakwah. Dengan adanya kerangka yang jelas, setiap inisiatif dakwah dapat diselaraskan agar tidak bercanggah antara satu sama lain, sebaliknya saling melengkapi ke arah pembentukan masyarakat harmoni.

Kelima, kerangka ini berpotensi menyumbang kepada pengukuhan hubungan harmonis antara komuniti berbeza di Malaysia. Dakwah yang disampaikan secara inklusif bukan sahaja memupuk kefahaman terhadap Islam, tetapi juga membina persefahaman dan kerjasama antara agama serta budaya. Hal ini penting untuk mewujudkan masyarakat yang seimbang, berintegrasi dan mempunyai daya tahan terhadap cabaran ekstremisme, salah faham agama serta sentimen perkauman.

Secara umumnya, kerangka ini memberikan landasan untuk pembangunan teori dakwah kontemporari yang lebih kontekstual. Dengan menyatukan elemen *manhaj*, *uslūb*, kandungan dan *wasīlah*, ia memperlihatkan bahawa keberkesanan dakwah tidak bergantung kepada satu faktor tunggal, tetapi hasil daripada interaksi dinamik antara prinsip, gaya komunikasi, isi mesej, dan medium penyampaian. Hal ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan, khususnya dalam menguji keberkesanan kerangka ini dalam pelbagai komuniti minoriti atau dalam konteks global yang semakin pluralistik.

PERBINCANGAN

Berdasarkan sorotan naratif yang dijalankan, kajian ini mengemukakan empat komponen utama pelaksanaan dakwah dalam masyarakat majmuk iaitu *manhaj*, *uslūb*, kandungan dan *wasīlah* sebagai satu kerangka konsep yang saling melengkapi. Dapatan kajian ini menyokong pandangan sarjana terdahulu bahawa dakwah dalam masyarakat majmuk tidak wajar dilaksanakan melalui pendekatan yang bersifat konflik. Dapatan kajian ini mempunyai sandaran yang kukuh dalam al-Quran dan hadis. Prinsip dakwah berhikmah yang ditekankan dalam kajian ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Naḥl (16:125) berteraskan kebijaksanaan dan adab. Begitu juga dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Mumtaḥanah (60:8) yang tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama. Perkara yang dibincangkan ini selari dengan akhlak dan teladan yang ditekankan oleh Rasulullah SAW yang diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Dapatan ini menyumbang secara signifikan dengan mengintegrasikan keempat-empat elemen dakwah dalam satu kerangka konseptual yang holistik. Sintesis ini mengukuhkan hujah al-Bayanuni (1999) bahawa keberkesanan dakwah hanya dapat dicapai apabila prinsip (*manhaj*), gaya komunikasi (*uslūb*), isi mesej (kandungan) dan medium penyampaian (*wasīlah*) dirancang secara seiring dan tidak terpisah. Oleh itu, kajian ini melengkapkan jurang literatur sedia ada dengan menawarkan satu kerangka

menyeluruh yang boleh dijadikan rujukan strategik dalam pelaksanaan dakwah masyarakat majmuk di Malaysia.

Selain itu, dapatan ini juga selari dengan teori dakwah yang menekankan keseimbangan antara prinsip dan realiti. Dari sudut *manhaj*, pendekatan *al-'aṭifī, al-'aqlī* dan *al-ḥissī* yang disintesiskan dalam kajian ini sejajar dengan pandangan Ali Jarishah (1986) dan al-Tantawiy (1960) yang menegaskan keperluan dakwah dilaksanakan secara bertahap, kontekstual dan berpaksikan realiti sasaran dakwah. Dalam konteks masyarakat majmuk, pendekatan emosi mampu membina kepercayaan awal, pendekatan rasional dapat menjawab salah faham, manakala pendekatan empirik dapat menzahirkan keindahan Islam secara praktikal. Dari sudut *uslūb*, dapatan kajian mengukuhkan teori dakwah berasaskan Surah al-Naḥl:125 yang menggariskan tiga pendekatan utama iaitu *al-ḥikmah, al-maw'izah al-ḥasanah* dan *al-mujādalah bi al-latī hiya aḥsan*. Penemuan ini menyokong pandangan Abdul Karim Zaydan (1972) dan Mustafa Masyhur (1989) bahawa *uslūb* dakwah bukan sekadar teknik komunikasi, tetapi seni membimbing manusia dengan kebijaksanaan, adab dan keteladanan. Dalam realiti masyarakat majmuk, pendekatan dialog dan *al-qudwah al-ḥasanah* didapati lebih berkesan dalam meredakan prasangka serta membina persefahaman antara agama.

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini memberi panduan jelas kepada pendakwah, institusi agama dan NGO Islam dalam merancang strategi dakwah yang lebih sistematik dan inklusif. Pendekatan yang menekankan hikmah, dialog, nilai sejagat dan penggunaan *wasīlah* yang sesuai berpotensi mengurangkan salah faham agama, memperkukuh keharmonian sosial serta meningkatkan penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap mesej Islam.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa pendekatan dakwah dalam masyarakat majmuk menuntut suatu kerangka konseptual yang bersifat menyeluruh, adaptif dan inklusif. Melalui sintesis empat komponen utama iaitu *manhaj*, *uslūb*, kandungan dan *wasīlah*, dapat dibentuk suatu model dakwah yang bukan sahaja berlandaskan prinsip wahyu, tetapi juga mampu menyesuaikan diri dengan realiti sosial yang pelbagai. Keberadaan masyarakat berbilang etnik dan agama di Malaysia, khususnya di Sabah dan Sarawak, memperlihatkan keperluan kepada strategi dakwah yang sensitif terhadap perbezaan budaya, bahasa dan nilai komuniti setempat. Kerangka ini menawarkan panduan konseptual untuk mengelakkan salah faham, mengurangkan jurang komunikasi, serta memupuk persefahaman dan keharmonian antara komuniti yang berbeza. Dengan itu, kerangka dakwah ini bukan sahaja penting sebagai asas teori dakwah kontemporari, tetapi juga signifikan dari segi praktikal untuk pendakwah dan institusi Islam dalam melaksanakan tanggungjawab dakwah secara efektif.

Namun begitu, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diberi perhatian. Pertama, kerangka yang dibina adalah bersifat konseptual dan belum diuji secara empirikal di lapangan. Kedua, perbincangan masih tertumpu pada kerangka umum tanpa menyentuh keperluan spesifik bagi kelompok minoriti tertentu, misalnya Orang Asli atau komuniti migran. Oleh itu, kajian lanjutan wajar dilakukan melalui pendekatan empirikal seperti temubual, kajian kes atau analisis lapangan yang dapat menilai keberkesanan kerangka ini dalam situasi sebenar. Selain itu, kajian masa depan juga boleh mengembangkan perbincangan dengan mengaitkan kerangka ini dengan teori komunikasi lintas budaya, pendekatan psikologi dakwah atau strategi dakwah digital. Dengan cara ini, pembangunan teori dakwah dalam masyarakat majmuk akan menjadi lebih komprehensif dan relevan, bukan sahaja dalam konteks Malaysia tetapi juga dalam masyarakat pluralistik di peringkat global.

PENGHARGAAN (*ACKNOWLEDGEMENTS*)

Penulis merakamkan penghargaan kepada Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak atas sokongan pembiayaan penyelidikan melalui geran PP-2022-029.

SUMBANGAN PENULIS (*AUTHOR(S) CONTRIBUTIONS*)

Nor Azlina Ibrahim: Pembentukan idea kajian, pengumpulan, analisis dan sintesis bahan literatur, penulisan draf awal, semakan dan penyuntingan manuskrip.

Muhamad Faisal Ashaari: Pembentukan idea kajian, penyeliaan, penyusunan kerangka konsep, penilaian kandungan, semakan kritis dan penambahbaikan manuskrip.

Mohamad Zulkifli Abdul Ghani: Penyeliaan, semakan dan penambahbaikan manuskrip.

KONFLIK KEPENTINGAN (*CONFLICT OF INTEREST*)

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan yang berkaitan dengan pelaksanaan kajian dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA (*ETHICS STATEMENT*)

Kajian ini menggunakan pendekatan sorotan literatur naratif berdasarkan analisis dan sintesis sumber sekunder yang telah diterbitkan. Kajian tidak melibatkan pengumpulan data daripada responden manusia. Oleh itu, kelulusan jawatankuasa etika penyelidikan tidak diperlukan.

KETERSEDIAAN DATA (*DATA AVAILABILITY*)

Kajian ini berasaskan analisis dan sintesis literatur sedia ada serta tidak melibatkan penghasilan atau pengumpulan data primer. Semua sumber yang digunakan telah dinyatakan dalam senarai rujukan. Oleh itu, pernyataan ketersediaan set data tidak berkenaan bagi kajian ini.

RUJUKAN

Ab. Aziz, M. Z. (2001). *Metodologi dakwah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Penerbit Universiti Malaya.

Abd Majid, M., Esa, M., Zainudin, N., & Abdul Rahman, A. H. (2023). Cabaran sukarelawan dakwah masyarakat dalam pelaksanaan dakwah: *The challenge of community dakwah volunteers in the implementation of dakwah*. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 137–152.

Aratin, N. A., & Abdul Rahman, N. F. (2022). Kajian sensitiviti agama: Tinjauan awal di Sabah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 182–200.

Bae, J. M. (2014). Narrative reviews. *Epidemiology and Health*, 36, e2014018. https://doi.org/10.4178/epih/e2014018

Al-Bayānūnī, M. A. F. (1999). *Al-madkhal ilā ʻilm al-daʻwah*. n.p.: Jāmiʻ al-Ḥuqūq Maḥfūẓah li al-Nashr.

Burgūth, ʻA. A. (2003). *Manāhij al-daʻwah*. Beirut, Lebanon: Dār al-Tajdīd.

Ferrari, R. (2015). Writing narrative style literature reviews. *Medical Writing*, 24(4), 230–235. https://doi.org/10.1179/2047480615Z.000000000329

Fikri, H. K. (2023). Dakwah pada masyarakat multikultural. *Mudabbir: Jurnal Manajemen Dakwah*, 4(2), 129–141.

Ghalwash, A. (1987). *Al-daʻwah al-islāmiyyah: Uṣūluhā wa wasāʼiluhā*. Cairo, Egypt: Dār al-Kitāb al-Islāmiyyah.

Greenhalgh, T., Thorne, S., & Malterud, K. (2018). Time to challenge the spurious hierarchy of systematic over narrative reviews? *European Journal of Clinical Investigation*, 48(6), e12931. https://doi.org/10.1111/eci.12931

Ibn Manẓūr, M. I. M. (1990). *Lisān al-ʻArab* (Vols. 1, 2 & 11). Beirut, Lebanon: Dār Ṣādir.

Ibrahim, A. F., Mujahid, N. R., Misra, M. K. A., & Abu Hasan, S. (2022). Pendekatan dakwah dalam kepelbagaian masyarakat. *Jurnal Mawʻizah*, 5(1), 15–24.

Jarishah, A. (1986). *Manāhij al-daʻwah wa asālībuhā*. Al-Manṣūrah, Egypt: Dār al-Wafāʼ li al-Ṭabāʻah wa al-Nashr wa al-Tawzīʻ.

Johar, M. H. M., Ibrahim, A. F., Badhrulhisham, A., Dzul Karnain, M. F. S., & Meerangani, K. A. (2021). Penerimaan masyarakat non-Muslim terhadap aktiviti dakwah Islamiyyah: Kajian di Negeri Melaka. *Jurnal Mawʻizah*, 4(1), 94–105.

Majmaʻ al-Lughah al-ʻArabiyyah. (1985). *Al-muʻjam al-wasīṭ*. Cairo, Egypt: Majmaʻ al-Lughah al-ʻArabiyyah.

Maḥmūd, ʻA. ʻA. (1990). *Fiqh al-daʻwah ilā Allāh*. Al-Manṣūrah, Egypt: Dār al-Wafāʼ li al-Ṭabāʻah wa al-Nashr wa al-Tawzīʻ al-Manshūrah.

Mamun, M. Y. (2025). Dakwah through language and local wisdom as a strategy for spreading Islam among the Dayak tribe in Kalimantan. *Maddah: Journal of Advanced Daʻwah Management*

Research, 4(1), 1–12.

Masyhūr, M. (1989). *Ṭarīq al-da'wah*. Cairo, Egypt: Dār al-Tawzī' wa al-Nashr al-Islāmiyyah.

Mohd Dzahid, M. Z., Meerangani, K. A., Zahidi, M. D. A., Noh, N. A. M., & Norbit, A. N. (2022). Interaksi masyarakat majmuk di Malaysia menurut perspektif al-Quran. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 1, 16–28.

Mohd Sufian, M., Faizol, I. A., Zaidin, M. M., & Wan Chik, W. M. Y. (2020). Implementasi fiqh aghlabiyyah dan kepentingannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 2(2), 48–61.

Mokhtar, H., Abdullah, M. Y. M., Misra, M. K. A., Arshad, M. H., & Mahmod, A. H. (2023). Kepimpinan dakwah dalam menghadapi cabaran mad'ū dalam era revolusi industri 4.0. *Proceeding International Seminar on Islamic Studies*, 4(1), 1523–1531.

Muhammad, A. (2012). *Asālīb al-da'wah ilā Allāh*. Isybīliyā, Saudi Arabia: Dār Kunūz Isybīliyā li al-Nashr wa al-Tawzī'.

Nuriana, Z. I., & Salwa, N. (2024). Digital da'wah in the age of algorithm: A narrative review of communication, moderation, and inclusion. *Sinergi International Journal of Islamic Studies*, 2(4), 242–256.

Al-Qaraḍāwī, Y. (1992). *Min fiqh al-da'wah fī al-Islām: Ru'yah jadīdah*. Cairo, Egypt: Maktabah Wahbah.

Ramadhan, M. (2024). Metode dakwah masyarakat multikultural. *Jurnal Manajemen Dakwah dan Ilmu Komunikasi*, 1(1), 24–39.

Al-Sayyid Nawfal, 'A. M. (1977). *Al-da'wah ilā Allāh Ta'ālā: Khaṣā'iṣuhā, muqawwimātuhā wa manāhijuhā*. Cairo, Egypt: Maktabah al-Ḥaḍrah al-Qawmiyyah al-Fujalah.

Shalabiyy, 'A. R. (1974). *Al-da'wah al-islāmiyyah fī 'ahdiha al-makkī: Manāhijuhā wa ghayātuhā*. Cairo, Egypt: Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah.

Sukhera, J. (2022). Narrative reviews: Flexible, rigorous, and practical. *Journal of Graduate Medical Education*, 14(4), 414–417. https://doi.org/10.4300/JGME-D-22-00406.1

Syaifudin, M., & Abdul Rasyid. (2023). Strategi komunikasi Muhammadiyah dalam menebar dakwah kultural perspektif Muhammad Abū Fataḥ al-Bayānūnī (studi kasus: Muhammadiyah Bangun Purba Deli Serdang). *Jurnal Lensa Mutiara Komunikasi*, 7(1), 118–131.

Syafini, A., & Embong, Z. (2020). Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri pelajar sekolah menengah di Kota Bharu, Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 26–40.

Al-Ṭanṭāwī, 'A. (1960). *Fuṣūl islāmiyyah*. Dimashq, Syria: Dār al-Da'wah.

Yakan, F. (1970). *Musykilāt al-da'wah wa al-dā'iyah*. Beirut, Lebanon: Mazīdah wa Manqahah.

Yunus, M., Wan Chik, W. M. Y., & Mohd Fadzli, A. I. (2024). Grounding *maqāṣid al-sharī'ah* in the *da'wah* and cultural practices of Islamic society: Pembumian maqasid syariah dalam dakwah dan budaya masyarakat Islam. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(6), 31–46.

Zaydan, 'A. K. (1972). *Uṣūl al-da'wah*. Baghdād, Iraq: Jāmi'ah Baghdād.